



KENYATAAN MEDIA

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT ANJUR PROGRAM DERMA DARAH DENGAN KERJASAMA HOSPITAL KERAJAAN DAN SWASTA DI LOKASI TERPILIH DI SELURUH NEGARA UNTUK TINGKATKAN TABUNGAN DARAH

KUALA LUMPUR, 14 Jun 2022: Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) telah mengerakkan Program Derma Darah melibatkan masyarakat setempat dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menderma darah dan meningkatkan tabungan darah. Program ini berlangsung dari 11 Jun hingga 6 Julai dengan kerjasama hospital kerajaan dan swasta di lokasi terpilih di Kuala Lumpur, Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Ia dilancarkan sempena sambutan Hari Penderma Darah Sedunia yang diadakan pada 14 Jun setiap tahun.

Pihak bank menetapkan sasaran awal sebanyak 1,350 pek darah dapat dikumpul hasil pendermaan orang ramai sepanjang tempoh program diadakan. Program ini mendapat sambutan menggalakkan, di mana setakat 14 Jun, 1,259 penderma tampil untuk menderma darah.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata program sebegini dapat membantu memastikan bekalan darah berada di paras selamat dalam menghadapi sebarang rawatan kecemasan. Pihak bank juga menghargai kerjasama dan penglibatan pihak hospital untuk memastikan usaha ini berjaya, serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196501000376 (6175-W)
Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web : www.muamalat.com.my Tel : 03 2600 5500



Abdi kumpulan
DRB-HICOM



“Saya berharap program seumpama ini mampu menjadi platform utama mengeratkan jalinan kerjasama antara komuniti setempat untuk menangani sebarang permasalahan kekurangan bekalan darah,” kata Khairul.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Derma Darah, sila layari www.muamalat.com.my atau laman sosial Bank Muamalat. Orang ramai juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di talian 03-2600 5500, atau kunjungi cawangan Bank Muamalat yang berhampiran.

TAMAT

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai **Bank Muamalat** boleh menghubungi:

Mathini Raman | mathini.raman@muamalat.com.my | +6013 215 1922



MAP
Muamalat
Application
Platform

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196501000376 (6175-W)
Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web : www.muamalat.com.my Tel : 03 2600 5500



Abdi kumpulan
DRB-HICOM